

**SOALAN NO:22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA: YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**

**TARIKH: 2 DISEMBER 2015**

**SOALAN:**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan jumlah kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Buruh setiap tahun sejak tahun 2010 dengan pecahan pekerja lelaki tempatan, pekerja wanita tempatan, pekerja asing lelaki dan pekerja asing wanita.**

**PR-1333-L69583**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah merekodkan sebanyak **65,833** kes yang didaftarkan di Mahkamah Buruh sejak tahun 2010 sehingga 2014. Sebanyak **64,398** kes merupakan kes buruh pekerja tempatan melibatkan **54,690** pekerja lelaki warganegara Malaysia dan **21,354** pekerja wanita warganegara Malaysia. Manakala, sebanyak **1,435** kes buruh pekerja asing didaftarkan di Mahkamah

Buruh melibatkan **2,295** pekerja lelaki bukan warganegara dan **689** pekerja wanita bukan warganegara.